

**The Sarawak Museum Journal****Vol. LIII No. 74****December 1998****ISSN: 0375-3050****E-ISSN: 3036-0188**

Citation: Nurizan Yahaya and Surena Sabil (1998). Perubahan Struktur dan Fungsi Rumah Melayu di Kuching. *The Sarawak Museum Journal*, LIII (74): 51-66

PERUBAHAN STRUKTUR DAN FUNGSI RUMAH MELAYU DI KUCHING, SARAWAK

Nurizan Yahaya dan Surena Sabil

ABSTRACT

Kajian diskriptif ini bertujuan untuk meneliti perubahan struktur dan fungsi rumah Melayu tradisional dan rumah Melayu moden di Kuching, Sarawak. Objektif khusus kajian ada untuk meneliti perbezaan struktur fizikal, pola penggunaan ruang, pengaruh ke atas pembinaan rumah serta faktor-faktor lain yang berkaitan dengan perumahan. Sampel kajian sebanyak 30 buah rumah dibahagikan kepada dua kategori, iaitu masing-masing 15 orang ketua isi rumah berpendapatan menengah yang menduduki rumah Melayu tradisional dan rumah Melayu moden. Rumah yang berusia kurang daripada 20 tahun dikategorikan sebagai rumah moden dan lebih daripada 20 tahun sebagai rumah tradisional. Pengumpulan data adalah secara pemerhatian dan temu bual dengan ketua isi rumah menggunakan borang soal selidik. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan struktur di antara rumah Melayu tradisional dan rumah Melayu moden. Pelan lantai rumah tradisional jelas menggambarkan reka bentuk tradisional yang dapat dilihat melalui bumbung dan struktur rumah yang kebanyakannya berbumbung limas. Pelan lantai rumah moden pada kebiasaannya berbentuk segi empat yang raempunyai jumlah keluasan yang sama besar bagi tingkat atas dan bawah. Purata keluasan hampir sama di mana purata keluasan rumah tradisional satu tingkat bertiang adalah 664 meter persegi dan keluasan rumah moden dua tingkat adalah 589 meter persegi. Rumah tradisional kebanyakannya diperbuat daripada kayu manakala rumah moden diperbuat daripada kombinasi kayu dan konkrit. Kajian tidak menunjukkan adanya perbezaan yang jelas dari segi pola penggunaan ruang, namun begitu pelan rumah tradisional lebih terbuka yang mana pelbagai aktiviti boleh dilakukan dalam sesesebut ruang. Fungsi ruang rumah moden lebih khusus bagi menjalankan aktiviti tertentu dalam ruang diperuntukkan untuknya.

PERUBAHAN STRUKTUR DAN FUNGSI RUMAH MELAYU DI KUCHING, SARAWAK

oleh

Nurizan Yahaya

dan

Surena Sabil

ABSTRAK

Kajian diskriptif ini bertujuan untuk meneliti perubahan struktur dan fungsi rumah Melayu tradisional dan rumah Melayu moden di Kuching, Sarawak. Objektif khusus kajian ada untuk meneliti perbezaan struktur fizikal, pola penggunaan ruang, pengaruh ke atas pembinaan rumah serta faktor-faktor lain yang berkaitan dengan perumahan. Sampel kajian sebanyak 30 buah rumah dibahagikan kepada dua kategori, iaitu masing-masing 15 orang ketua isi rumah berpendapatan menengah yang menduduki rumah Melayu tradisional dan rumah Melayu moden. Rumah yang berusia kurang daripada 20 tahun dikategorikan sebagai rumah moden dan lebih daripada 20 tahun sebagai rumah tradisional. Pengumpulan data adalah secara pemerhatian dan temu bual dengan ketua isi rumah menggunakan borang soal selidik. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan struktur di antara rumah Melayu tradisional dan rumah Melayu moden. Pelan lantai rumah tradisional jelas menggambarkan reka bentuk tradisional yang dapat dilihat melalui bumbung dan struktur rumah yang kebanyakannya berbumbung limas. Pelan lantai rumah moden pada kebiasaannya berbentuk segi empat yang mempunyai jumlah keluasan yang sama besar bagi tingkat atas dan bawah. Purata keluasan hampir sama di mana purata keluasan rumah tradisional satu tingkat bertiang adalah 664 meter persegi dan keluasan rumah moden dua tingkat adalah 589 meter persegi. Rumah tradisional kebanyakannya diperbuat daripada kayu manakala rumah moden diperbuat daripada kombinasi kayu dan konkrit. Kajian tidak menunjukkan adanya perbezaan yang jelas dari segi pola penggunaan ruang, namun begitu pelan rumah tradisional lebih terbuka yang mana pelbagai aktiviti boleh dilakukan dalam sesebuah ruang. Fungsi ruang rumah moden lebih khusus bagi menjalankan aktiviti tertentu dalam ruang diperuntukkan untuknya. Purata bilangan bilik tidur adalah 4 buah dengan purata di antara 3 hingga 6 buah bilik. Kebanyakan rumah tradisional memerlukan banyak pengubah-suaian memandangkan usia rumah yang lama bagi memperbaiki kerosakan dan untuk mengekalkan struktur asal rumah tersebut. Manakala bagi rumah

moden hanya memerlukan sedikit sahaja pengubahsuaian bagi memperbaiki kerosakan kecil atau membuat penambahan ruang. Pengubahsuaian dibuat kerana kemampuan kewangan yang meningkat, keperluan terhadap pertambahan bilik tidur dan mengikut tren semasa. Ada juga penghuni rumah tradisional berpendapat pengubahsuaian tidak dilakukan bagi mengekalkan struktur asal rumah tersebut. Hasil kajian menunjukkan terdapat kecenderungan untuk mengubahsuai rumah tradisi menjadi lebih moden sesuai dengan perubahan cara hidup yang dilalui oleh penduduk setempat.

Struktur rumah Sarawak lazimnya digambarkan sebagai rumah panjang. Namun begitu, sebagai negeri yang mempunyai pelbagai etnik dan keturunan, terdapat kelompok lain yang mempunyai reka bentuk kediamannya yang tersendiri. Etnik Melayu merupakan golongan ketiga terbesar (20% atau 350,000 orang) di Sarawak selepas suku etnik Iban (30% atau 500,000) dan Cina (28% atau 480,000). Golongan yang lain adalah suku etnik seperti Kayan, Lun Bawang atau Orang Ulu (22%) (Banci Penduduk, 1991). Kepelbagaiannya suku kaum ini menghasilkan cara hidup dan adat resam yang unik kepada kelompok masing-masing. Kenyataan dibayangkan juga kepada struktur fizikal kediaman mereka. Sebagai contoh, rumah panjang menjadi rumah "tipikal" suku Iban, rumah Melayu Sarawak hampir sama dengan rumah Melayu di Semenanjung. Namun begitu, pembangunan pesat yang berlaku di Sarawak telah mempengaruhi nilai dan cara hidup penduduknya. Struktur rumah panjang yang dahulunya membentuk keluarga luas (besar) telah berubah menjadi keluarga asas, rumah Melayu tradisional yang lebih mementingkan ruang bersama juga telah berubah kepada keperluan individu dan mendapatkan "privacy".

Taburan terbesar masyarakat Melayu di Sarawak tinggal di Kuching dan Limbang. Bandaraya Kuching adalah daerah bermula penempatan Melayu yang terawal, iaitu sejak 1000-2000 tahun dahulu (Kurtheinz dan Storff, 1994). Di bandar ini kebanyakannya penempatan kampung Melayu di pinggir-pinggir bandar telah berubah dari bentuk tradisional ke moden. Pada masa dahulu penempatan tertumpu di pinggir sungai dan sesebuah unit keluarga hidup berkelompok dalam kampung. Menurut Abdul Halim (1994), sebelum kedatangan penjajah, rumah Melayu di Sarawak menggunakan pelbagai bentuk rumah jenis bumbung panjang. Bumbung rumah jenis ini mempunyai sebuah tulang bumbung yang lurus mendatar dan pada sisi bumbung dipasang dinding tegak seperti V terbalik yang disebut tebar layar. Selepas kedatangan penjajah, rumah orang Melayu dikenali sebagai rumah perabung lima atau rumah limas dan dipercayai adalah dipengaruhi dari reka bentuk rumah penjajah. Struktur rumah tradisional banyak dipengaruhi oleh cara hidup dan adat resam tempatan. Kebanyakan rumah mempunyai ruang

yang sama dan memanjang ke belakang. Pada asasnya, setiap rumah mempunyai tiga ruang utama iaitu ruang luar (rumah besar), tengah (ruang surong) dan dapur (telok). Ruang luar adalah ruang tamu utama di mana tetamu lelaki akan dilayani. Ia juga sebagai tempat sajian semasa kenduri atau bersembahyang jemaah. Ruang tengah adalah ruang serbaguna. Pada waktu siang, ia digunakan sebagai tempat menjalankan aktiviti harian seperti melipat pakaian, dan menjahit. Pada malam hari ia dijadikan sebagai tempat tidur. Ruang dapur adalah kawasan penyediaan makanan dan tempat melayan tetamu perempuan.

Mengikut Zletni (1992), penempatan perumahan sekarang kebanyakannya mengasingkan kelompok keluarga iaitu penempatan baru yang dibina oleh generasi baru tidak lagi tertumpu di sekitar penempatan keluarga asal mereka. Generasi muda memilih untuk tinggal di kawasan perumahan yang selalunya terdiri daripada pelbagai latar belakang. Ianya berasaskan kepada keserasian pada sesuatu kawasan dan jarak dari tempat tinggal keluarga asal bukan menjadi faktor utama. Struktur rumah Melayu masa kini dipengaruhi oleh reka bentuk dari barat dan kebanyakannya tidak melambangkan identiti rumah Melayu tradisi. Daripada segi bahan binaan ia menggunakan bahan-bahan yang mudah didapati, tahan lama, ekonomik serta mengambil proses yang cepat untuk mendirikan rumah tersebut. Dilihat daripada fungsi rumah pula, penggunaan ruang bagi rumah Melayu tradisional adalah lebih terbuka dan tidak mengkhususkan pembahagian ruang. Ini adalah disebabkan ikatan kekeluargaan yang kuat serta pentingnya perjumpaan beramai-ramai di waktu kenduri bagi merapatkan perhubungan semua anggota keluarga (Lim, 1981). Fungsi rumah sekarang pula lebih khusus iaitu ruang-ruang diperuntukkan selalunya untuk aktiviti tertentu sahaja. Misalnya ruang tamu digunakan untuk melayan tetamu dan tidak digunakan untuk tidur. Hal yang demikian tidak berlaku pada rumah tradisional di mana ruang tamu boleh digunakan untuk anak lelaki tidur pada sebelah malamnya.

Berdasarkan kepada pengenalan di atas, kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti perubahan struktur dan fungsi rumah Melayu di Kuching, Sarawak. Ia juga cuba meneliti pengaruh aspek sosio-ekonomi ke atas struktur fizikal dan penggunaan ruang rumah Melayu tradisional dan moden.

METODOLOGI

Persampelan data bagi kajian ini, dilakukan terhadap 30 buah rumah Melayu di sekitar Jalan Datuk Ajibah Abol, Kuching Utara, Sarawak. Kawasan ini menjadi pilihan kerana ia merupakan perkampungan Melayu tertua di Bandaraya Kuching yang masih kekal hingga sekarang. Mengikut Ong (1983), golongan bangsawan serta pembesar-pembesar Melayu keba-